



KENYATAAN MEDIA

KARNIVAL PENJANA KERJAYA TERENGGANU TAWAR LEBIH 11,000 JAWATAN KOSONG

KUALA TERENGGANU – Karnival PenjanaKerjaya Terengganu 2021 menawarkan **lebih 11,000 jawatan kosong** yang melibatkan **85 majikan**. Karnival dua hari ini adalah antara inisiatif Kerajaan Negeri bersama Kementerian Sumber Manusia menerusi agensinya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), bertujuan mengurangkan kadar pengangguran dan seterusnya menstabilkan pasaran buruh negara.

Karnival ini berlangsung selama 2 hari mulai 3 April 2021 hingga 4 April 2021 di Pusat Konvensyen Duyong Marina & Resort.

Peluang pekerjaan yang terbanyak ditawarkan oleh sektor minyak & gas dengan 3,998 kekosongan jawatan. Ini diikuti dengan sektor perladangan dengan 2,500 jawatan kosong. Antara jawatan yang ditawarkan oleh majikan yang menyertai program ini adalah jurutera, pengurus jualan, peguam, doktor gigi, juruteknik, eksekutif pemasaran, penyelia perusahaan, kru minyak & gas, pembantu peribadi serta jawatan-jawatan yang ditawarkan menerusi Program *MySTEP* Perantis.

Antara majikan yang menyertai Karnival ini adalah Institut Jantung Negara Sdn Bhd, Paka Petroleum Sdn Bhd, SAA Engineering & Marine Sdn Bhd, Shin Etsu Polymer (M) Sdn Bhd, Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan Terengganu Incorporated Sdn Bhd.

Penganjuran Karnival PenjanaKerjaya secara besar-besaran buat julung kali di negeri ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pencari kerja khususnya rakyat negeri Terengganu. Majoriti daripada mereka berusia di bawah 30 tahun. Kategori usia sedemikian rata-ratanya adalah graduan baharu ataupun mereka yang sedang menganggur di mana mereka layak mendapat manfaat daripada Program Perantisan di bawah PenjanaKerjaya 2.0.

Program Perantisan PenjanaKerjaya 2.0 yang telah ditambah baik, diumumkan dalam

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) oleh YAB Perdana Menteri pada bulan lalu. Ia merupakan program di bawah Kementerian Sumber Manusia yang diuruskan oleh PERKESO bagi memberi pengalaman bekerja jangka pendek sepenuh masa kepada para belia dalam tempoh antara 3 hingga 6 bulan. Bagi majikan yang menggaji golongan perantis, mereka layak menerima insentif **RM800 sebulan untuk setiap pekerja bagi tempoh ENAM bulan**. Permohonan untuk program ini boleh dikemukakan dari 1 April hingga 30 Jun 2021.

Hari ini juga termeterai Memorandum Persefahaman (MoU) di antara PERKESO dan Terengganu Human Resource Development Centre (T-HRDC) iaitu kerjasama strategik dua pihak yang bertujuan memantapkan lagi pasaran buruh khususnya bagi rakyat Negeri Terengganu. Kerjasama ini, antara lain melibatkan penjanaan peluang pekerjaan, pembangunan kemahiran pekerjaan, menjadi platform penyelarasan dan perundingan serta pengumpulan maklumat dan penilaian prestasi program pembangunan sumber manusia di Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri menyeru semua rakyat Malaysia yang sedang mencari pekerjaan atau meninjau peluang-peluang pekerjaan lain untuk menyertai Karnival PenjanaKerjaya Negeri Terengganu 2021 dengan mendaftar di <https://www.pickmetime.com/careerfairterengganu>.

Pencari kerja dinasihatkan agar segera mendaftar di **Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara, MYFutureJobs** di pautan <https://www.myfuturejobs.gov.my> di mana terdapat lebih daripada **150,000 kekosongan jawatan aktif** untuk dipilih dan seterusnya mendapat bantuan padanan pekerjaan serta-merta.

Kerajaan Negeri akan sentiasa berganding bahu dengan Kerajaan Persekutuan dalam menggerakkan segala amanat yang disandarkan, demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat, khususnya di Terengganu Darul Iman.

YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR
MENTERI BESAR TERENGGANU
3 APRIL 2021